

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PELANCARAN MALAYSIA FEST

TEMPAT: HOTEL HILTON KUALA LUMPUR

TARIKH: 25 SEP 1987

MASA:

Yang Berhormat Datuk Sabaruddin Chik,
Menteri Kebudayaan dan Pelancongan;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk melancarkan "Malaysia Fest '87" yang diadakan buat pertama kalinya. Memandangkan bahawa banyak aktiviti akan dijalankan dalam masa sembilan hari yang akan datang, saya percaya "Malaysia Fest '87" akan menjadi acara yang penting kepada industri pelancongan di negara kita.

2. Industri pelancongan merupakan penyumbang yang keempat terbesarnya kepada pendapatan tukaran wang asing negara. Industri ini telah menghasilkan kira-kira 1.6 ribu juta ringgit pada tahun lepas. Pendapatan ini masih boleh diperbaiki, dan dengan itu sudah sewajarnya Kerajaan memberi perhatian yang berat kepada industri pelancongan. Ini terbukti dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Di samping itu Kerajaan telah memperuntukkan 100 juta ringgit untuk membiayai aktiviti-aktiviti memajukan industri pelancongan, khususnya di bidang promosi. Peruntukan tersebut, kita percaya, akan membolehkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan melaksanakan kempen-kempen penggalakan pelancongan yang lebih agresif di pasaran-pasaran yang telah dipilih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Industri pelancongan mempunyai dua aspek yang penting. Pertamanya ialah pembangunan atau usaha-usaha menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pelancongan, dan keduanya ialah usaha-usaha pemasaran pelancongan atau memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

4. Sebagai destinasi pelancongan, Malaysia mempunyai potensi yang besar. Kita mempunyai berbagai daya tarikan, negara tropika yang panas sepanjang tahun, kita mempunyai laut dan pantai yang panjang, dan bagi mereka yang berminat kepada alam semula jadi, kita mempunyai pusat-pusat peranginan di pergunungan, Taman Negara dan taman-taman rekreasi hutan. Di samping itu, kita juga mempunyai kemudahan-kemudahan membeli-belah, pelbagai jenis makanan,

pakaian, muzik, tarian dan lain-lain lagi yang semuanya boleh menarik para pelancong untuk datang ke negara kita.

5. Sungguhpun kita baru memasuki industri pelancongan secara lebih serius, kita berharap akan dapat membangunkan industri ini bagi faedah jangka panjang. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bertanggungjawab untuk menyusun rancangan pembangunan jangka panjang yang diperlukan oleh industri pelancongan. Kementerian ini juga bertanggungjawab mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada lain-lain agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

6. Adalah penting untuk kita menentukan supaya Malaysia boleh kekal sebagai destinasi pelancongan dalam jangka panjang. Di samping mampu menerima kunjungan pelawat yang semakin bertambah, destinasi pelancongan negara kita hendaklah sesuai dengan citarasa serta pilihan pelancongan antarabangsa.

7. Tanggungjawab ini bagaimanapun bukanlah semata-mata terletak di bahu Kerajaan. Sektor swasta, yang akan mendapat hasil secara langsung atau tidak langsung, perlu menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan, penginapan, makanan, tempat membeli-belah, tempat-tempat persiaran, kegiatan sukan dan sebagainya. Mereka hendaklah menyediakan perkhidmatan serta kemudahan yang konsisten dan berpatutan.

8. Aspek yang kedua seperti yang telah saya sebutkan ialah penggalakkan dan pemasaran Malaysia sebagai pusat pelancongan. Ini adalah perkara yang tidak begitu sulit, berbanding aspek yang pertama iaitu pembangunan kemudahan-kemudahan pelancongan di negara kita. Kita boleh menyatakan demikian oleh kerana kita telah mempunyai sedikit-sebanyak jentera, kemahiran dan beberapa strategi untuk pemasaran. Apa yang kita perlukan ialah penilaian semula ke atas jentera, kemahiran dan strategi yang kita perolehi, serta penilaian semula pasaran serta teknik penggalakkan. Dalam perkara ini, saya merasa gembira bahawa PATA '86 sudah mulai menunjukkan hasil yang positif. Sektor perhotelan mula merekodkan peningkatan bagi kadar penginapan, sungguhpun bilangan bilik hotel semakin bertambah.

9. Selain daripada kedua-dua aspek ini dan tidak kurang pentingnya ialah sambutan dan layanan oleh kita terhadap pelancong yang akan menjadi tetamu kita. Sambutan dan layanan ini tidaklah terhad kepada mereka yang bekerja dalam industri pelancongan sahaja. Sebaliknya, semua rakyat haruslah menganggap diri mereka sebagai tuan rumah atau 'host' kepada semua pelawat ke Malaysia. Kita semua harus ingat bahawa pelancong yang datang bukan sahaja menjadi pelanggan kepada peniaga-peniaga dalam industri pelancongan tetapi juga mereka berbelanja dan membeli-belah dan kutipan daripada berbagai jenis cukai yang dikenakan akan membiayai pembangunan negara yang mana semua rakyat akan mendapat faedah daripadanya. Justeru itu semua rakyat haruslah memberi layanan yang baik kepada para pelancong dan

menolong industri pelancongan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Di samping kita berusaha meningkatkan lagi tukaran asing bagi negara kita, dengan menggalakkan lebih banyak lagi pelancong melawat negara ini, kita juga harus berusaha supaya pengaliran keluar tukaran asing, yang disebabkan oleh rakyat Malaysia melancong ke luar negeri, tidak meningkat dengan banyaknya. Walaupun banyak negara lain melarang rakyatnya daripada melancong ke luar negeri, kita tidak mahu berbuat demikian. Sebaliknya, industri pelancongan kita harus berusaha supaya rakyat Malaysia gemar melawat dan beristirehat di dalam negeri. Kemudahan dan layanan kepada para pelancong dalam negeri hendaklah sesuai dengan keperluan dan selera mereka dan mereka haruslah diberi layanan yang sama seperti yang diberikan kepada pelancong-pelancong luar negeri. Kemampuan dan citarasa penduduk berbagai kaum dalam negara kita perlu diberi perhatian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Tabiat melancong dan bercuti di luar negeri tidak lagi terhad kepada golongan yang kaya sahaja. Sekarang ramai yang berpendapatan sederhana dan juga yang berpendapatan rendah menjelajah ke seluruh dunia. Mereka ini tidak mampu menginap di hotel 'lima bintang' atau five-star hotel. Hotel sederhana sudah mencukupi asalkan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna dan bersih. Oleh itu industri hotel di negara kita hendaklah memberi perhatian yang serius kepada keperluan golongan ini. Kos pengurusan dan pengendalian yang rendah untuk hotel yang menampung keperluan pelancong-pelancong pendapatan sederhana dan rendah akan menjamin pulangan yang sama dengan pelaburan dalam hotel bertaraf antarabangsa.

12. Berikutan dengan ini Kerajaan telah menetapkan bahawa galakan baru bagi industri pelancongan adalah termasuk dua jenis tempat penginapan bertaraf sederhana, iaitu rumah tumpangan dan rumah rehat. Tempat-tempat penginapan ini hendaklah menyediakan kemudahan asas yang perlu tanpa mengabaikan kebersihan dan layanan. Kerajaan berharap bank-bank akan memberi keutamaan juga kepada pinjaman bagi pembinaan hotel-hotel yang menyediakan bilik-bilik dengan kadar sewa yang rendah dan sederhana serta kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Malaysia Fest '87 menunjukkan betapa pentingnya kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta sektor swasta. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan Malaysia Fest '87 sebagai salah satu usaha kita memajukan pelancongan di negara ini dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang penting.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan
"Malaysia Fest '87"
ini dengan rasminya.